

Penswastaan diteruskan: Dr M

RAWANG, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan meneruskan Dasar Penswastaan sebagai strategi utama mengurangkan perbelanjaan di samping menambah kutipan cukai.

Menurutnya, sejak Dasar Penswastaan diumumkan, kewangan kerajaan bertambah kukuh di samping tidak perlu mengadakan peruntukan tambahan untuk projek dan gaji kakitangan.

Katanya, melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB), proses penswastaan berjaya menjadikan lebih tiga juta Bumiputera sebagai pemilik saham dalam syarikat gergasi.

"Syarikat swasta kini mengambil alih perbelanjaan projek dan menguruskannya secara komersil. Ini menyebabkan projek siap lebih cepat serta pendapatan diperolehi lebih awal.

"Kerajaan pula menda-

pat cukai sedangkan dahulu tidak ada keuntungan dan tidak ada cukai. Kakitangan kerajaan yang tidak terbabit dalam penswastaan pun mendapat nikmat.

"Rakyat turut mendapat manfaat apabila kemudahan infrastruktur siap lebih awal. Kerajaan berupaya berbuat demikian kerana lebih banyak belanjawan dapat diagihkan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian Lebuhraya Utara-Selatan di kawasan rehat dan servis persimpangan bertingkat lebuhraya itu di sini, hari ini. Hadir sama ialah Menteri Kerjaraya, Datuk Leo Moggie serta Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Perdana Menteri kemudiannya diberi penghormatan menanam kapsul masa yang akan dibuka pada tahun 2024. Beliau turut membuka tirai tugu peringatan lebuhraya itu.

Lebuhraya sepanjang

848 kilometer itu siap 15 bulan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Kadar tol yang dikenakan dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru ialah RM59.90.

Dr Mahathir juga berkata, pembukaan Lebuhraya Utara-Selatan bukan sahaja membuktikan kejayaan Dasar Penswastaan malah keberkesanan kerjasama di antara sektor awam dan swasta.

"Ia juga membuktikan kebolehan dan kemampuan industri pembinaan tempatan melaksanakan projek raksasa. Jelas, kita mempunyai kepakaran serta mutu kerja yang setanding dengan industri pembinaan antarabangsa," katanya.

Menurutnya, di samping menyediakan prasarana, lebuhraya turut menarik pelaburan dalam dan luar negara serta membuka peluang perniagaan kecil di kalangan penduduk tempatan.